

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RPW 552 Pentadbiran dan Pengurusan Perancangan

Masa : (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. (a) Secara ringkas, bincangkan peringkat-peringkat dan fungsi Jabatan-Jabatan Perancangan Bandar di Malaysia.

(70 markah)

- (b) Di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, pihak berkuasa tempatan telah ditetapkan sebagai pihak berkuasa perancangan.

Bincangkan kesan-kesan atau akibat peruntukan ini, terutamanya terhadap bidang kuasa dan fungsi Jabatan-Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri dan Persekutuan.

(30 markah)

2. Jentera Pentadbiran di Malaysia mengandungi 3 peringkat (iaitu, Persekutuan, Negeri dan Tempatan).

- (a) Terangkan secara ringkas bagaimana Jentera Pentadbiran ini telah dapat menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan pembangunan Negara.

(70 markah)

- (b) Apakah peranan perancangan bandar di dalam sistem pentadbiran ini?

(30 markah)

3. Andaikan anda telah dilantik untuk menyediakan Fail Meja untuk sebuah Jabatan Perancangan Bandar.

Cadangkan proses kerja, carta aliran dan norma masa untuk tugas memproseskan permohonan kebenaran merancang mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Bincangkan keadaan-keadaan berikut:

- (a) Terdapat Rancangan Pembangunan (Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan) yang diluluskan; dan,
- (b) Tiada Rancangan Pembangunan yang diluluskan.

(100 markah)

4. Bincangkan sebarang organisasi pejabat perancangan bandar (sama ada Persekutuan, Negeri atau Tempatan) yang anda ketahui.

Gunakan carta organisasi untuk menunjukkan bahagian-bahagian utama, fungsi bahagian dan kakitangan.

(100 markah)

5. (a) Satu daripada keistimewaan Sistem Rancangan Pembangunan (Rancangan-Rancangan Struktur dan Tempatan) ialah sistem ini dikatakan lebih mudah untuk dipinda, iaitu ia lebih fleksibel.

Bincangkan.

(60 markah)

- (b) Adakah prosedur penyediaan Rancangan Pembangunan lebih baik daripada sistem lama di bawah Enakmen Lembaga Bandaran Bab 137?.

(40 markah)